

Mangsa banjir meningkat

Oleh SOPI SAMAILE

JOHOR BAHRU 24 Jan. - Jumlah mangsa banjir di daerah Batu Pahat meningkat hari ini apabila sebanyak 51,445 mangsa ditempatkan di pusat pemindahan banjir berbanding 51,210 orang petang semalam.

Sementara kesemua daerah lain telah menutup pusat pemindahannya, mangsa banjir di daerah Batu Pahat membabitkan sejumlah 12,058 keluarga itu masih ditempatkan di 108 pusat pemindahan.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor berkata, faktor air yang masih bertakung di daerah itu menjadi punca penduduk tidak dapat kembali ke rumah masing-masing.

Selain itu, katanya, faktor bentuk muka bumi di Batu Pahat yang tidak dapat mengalirkan air keluar menyukarkan air surut.

"Turut menyumbang kepada air bertakung di daerah Batu Pahat ialah pelepasan sedikit demi sedikit air empangan yang berdekatan," katanya di sini, hari ini.

Beliau menambah, di samping itu keadaan menjadi teruk disebabkan cuaca

Faktor air yang masih bertakung di daerah itu menjadi punca penduduk tidak dapat kembali ke rumah masing-masing

mendung sepanjang hari dan berlaku hujan sekejap-sekejap di daerah itu.

Dalam pada itu, laluan-laluan utama di negeri ini kebanyakannya telah dibuka kecuali beberapa jalan yang hanya boleh dilalui kenderaan ringan selepas kerja-kerja

pembaikan jambatan dan jalan dilakukan.

"Keadaan jalan menuju ke Batu Pahat tidak banyak berubah dengan jalan yang ditutup ialah Yong Peng-Parit Sulong, Seri Bengkal, Seri Pasir dan Seri Medan," ujarnya.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor